
BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA


Sorotan Bulanan
November 2017

Inflasi lebih rendah pada bulan November

Inflasi Keseluruhan, Teras dan Pengangkutan



Sumbangan kepada Inflasi




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran staf

- Inflasi keseluruhan menurun kepada 3.4% pada bulan November disebabkan terutamanya oleh inflasi *pengangkutan* yang lebih rendah pada 10.8% pada bulan ~~itu~~ tersebut (Oktober: 12.1%).
  - Inflasi kategori *pengangkutan* menjadi lebih rendah meskipun harga purata petrol RON95 lebih tinggi pada bulan November 2017 (RM2.30 seliter) berbanding RM2.18 pada bulan Oktober 2017. Ini kerana harga petrol RON95 adalah lebih tinggi pada tempoh asas perbandingan iaitu bulan November 2016 (RM1.95 seliter) berbanding dengan bulan Oktober 2016 (RM1.80 seliter).
- Inflasi teras juga lebih rendah pada 2.2% pada bulan itu (Oktober: 2.3%) disebabkan oleh inflasi makanan dan sewa yang mencatatkan penurunan.

Pertumbuhan IPI keseluruhan sederhana pada bulan Oktober disebabkan pengeluaran perkilangan dan perlombongan yang lebih perlahan

Sumbangan kepada IPI Keseluruhan




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Pertumbuhan indeks pengeluaran industri (industrial production index, IPI) keseluruhan lebih rendah pada 3.4% pada bulan Oktober (September: 4.7%). Ini disebabkan oleh pengeluaran perkilangan dan perlombongan yang lebih perlahan meskipun penjanaan elektrik meningkat.
- Pertumbuhan sektor perkilangan yang lebih perlahan (4.2%; September: 5.7%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan sederhana industri berorientasikan eksport dan dalam negeri.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat




Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pertumbuhan pembiayaan bersih lebih sederhana pada 6.1% pada bulan November (Oktober: 6.5%). Terbitan bon korporat terkumpul bersih meningkat kepada 12.8% (Oktober: 12.0%), manakala pertumbuhan pinjaman sistem perbankan terkumpul lebih sederhana pada 3.9% (Oktober: 4.6%).
- Pinjaman meningkat dengan lebih sederhana disebabkan oleh pinjaman kepada sektor perniagaan (November: 2.2%; Oktober: 4.1%). Peningkatan sederhana ini meliputi seluruh sektor dan paling nyata dalam sektor *perkilangan* dan *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi*.

Ringgit dan kadar hasil bon disokong oleh aliran masuk portfolio bukan pemastautin

Aliran Portfolio Bukan Pemastautin Mengikut Instrumen




Nota: Bon kerajaan termasuk Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) dan Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK)

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia

- Pada bulan November, ringgit mencatat prestasi terbaik di rantau ini. Hal ini berikutan pengumuman pertumbuhan KDNK suku ketiga yang lebih baik daripada unjuran awal serta jangkaan bahawa Bank Negara Malaysia akan mengembalikan dasar monetari ke paras yang lebih wajar. Sentimen ini lantas menyebabkan peningkatan permintaan terhadap aset ringgit oleh bukan pemastautin.
- Permintaan yang lebih tinggi terhadap MGS juga menyebabkan kadar hasil MGS menurun pada bulan itu.
- Jumlah swap pertukaran asing naik sebanyak USD13.4 bilion kepada USD115.5 billion disebabkan terutamanya oleh aktiviti perlindungan nilai yang lebih giat. Ini berikutan aliran masuk portfolio bukan pemastautin baru-baru ini. Hasilnya, mata swap 1 bulan purata meningkat sedikit kepada 54 pip daripada 52 pip pada bulan Oktober.
- Walau bagaimanapun, FBM KLCI merosot susulan sentimen pasaran yang lebih lemah. Ini selaras dengan kebanyakan indeks serantau dalam keadaan persekitaran luaran yang tidak menentu, terutamanya isu reformasi cukai di AS dan keputusan OPEC melanjutkan tempoh pengurangan pengeluaran minyak.

Struktur pendanaan bank terus menyokong aktiviti pembiayaan

Nisbah Mudah Tunai Sistem Perbankan dan Nisbah Pendanaan Sistem Perbankan



[1] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan naik secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa tahun 2019. Setakat 1 Januari 2017, keperluan minimum ditetapkan pada 80%.

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Bank-bank terus mempunyai pelbagai sumber pendanaan yang membolehkan mereka mengurus ketidakpadanan mata wang dan tempoh matang dengan lebih baik.
- Sebagai mencerminkan sumber pendanaan bank-bank yang lebih meluas, nisbah pinjaman kepada dana dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing pada 83.4% dan 73.2%.
- Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) sistem perbankan adalah pada 139.3%. Nisbah ini jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum peralihan[1] pada 80%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 12/17/20

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Jumaat, 29 Disember 2017

SOROTAN BULANAN – NOVEMBER 2017

Inflasi lebih rendah pada bulan November

- Inflasi keseluruhan menurun kepada 3.4% pada bulan November disebabkan terutamanya oleh inflasi *pengangkutan* yang lebih rendah pada 10.8% pada bulan itu tersebut (Oktober: 12.1%).
  - Inflasi kategori *pengangkutan* menjadi lebih rendah meskipun harga purata petrol RON95 lebih tinggi pada bulan November 2017 (RM2.30 seliter) berbanding RM2.18 pada bulan Oktober 2017. Ini kerana harga petrol RON95 adalah lebih tinggi pada tempoh asas perbandingan iaitu bulan November 2016 (RM1.95 seliter) berbanding dengan bulan Oktober 2016 (RM1.80 seliter).
- Inflasi teras juga lebih rendah pada 2.2% pada bulan itu (Oktober: 2.3%) disebabkan oleh inflasi makanan dan sewa yang mencatatkan penurunan.

Pertumbuhan IPI keseluruhan sederhana pada bulan Oktober disebabkan pengeluaran perkilangan dan perlombongan yang lebih perlahan

- Pertumbuhan indeks pengeluaran industri (industrial production index, IPI) keseluruhan lebih rendah pada 3.4% pada bulan Oktober (September: 4.7%). Ini disebabkan oleh pengeluaran perkilangan dan perlombongan yang lebih perlahan meskipun penjanaan elektrik meningkat.
- Pertumbuhan sektor perkilangan yang lebih perlahan (4.2%; September: 5.7%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan sederhana industri berorientasikan eksport dan dalam negeri.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pertumbuhan pembiayaan bersih lebih sederhana pada 6.1% pada bulan November (Oktober: 6.5%). Terbitan bon korporat terkumpul bersih meningkat kepada 12.8% (Oktober: 12.0%), manakala pertumbuhan pinjaman sistem perbankan terkumpul lebih sederhana pada 3.9% (Oktober: 4.6%).
- Pinjaman meningkat dengan lebih sederhana disebabkan oleh pinjaman kepada sektor perniagaan (November: 2.2%; Oktober: 4.1%). Peningkatan sederhana ini meliputi seluruh sektor dan paling nyata dalam sektor *perkilangan* dan *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi*.

Ringgit dan kadar hasil bon disokong oleh aliran masuk portfolio bukan pemastautin

- Pada bulan November, ringgit mencatat prestasi terbaik di rantau ini. Hal ini berikutan pengumuman pertumbuhan KDNK suku ketiga yang lebih baik daripada unjuran awal serta jangkaan bahawa Bank Negara Malaysia akan mengembalikan dasar monetari ke paras yang lebih wajar. Sentimen ini lantas menyebabkan peningkatan permintaan terhadap aset ringgit oleh bukan pemastautin.
- Permintaan yang lebih tinggi terhadap MGS juga menyebabkan kadar hasil MGS menurun pada bulan itu.
- Jumlah swap pertukaran asing naik sebanyak USD13.4 bilion kepada USD115.5 billion disebabkan terutamanya oleh aktiviti perlindungan nilai yang lebih giat. Ini berikutan aliran masuk portfolio bukan pemastautin baru-baru ini. Hasilnya, mata swap 1 bulan purata meningkat sedikit kepada 54 pip daripada 52 pip pada bulan Oktober.
- Walau bagaimanapun, FBM KLCI merosot susulan sentimen pasaran yang lebih lemah. Ini selaras dengan kebanyakan indeks serantau dalam keadaan persekitaran luaran yang tidak menentu, terutamanya isu reformasi cukai di AS dan keputusan OPEC melanjutkan tempoh pengurangan pengeluaran minyak.

Struktur pendanaan bank terus menyokong aktiviti pembiayaan

- Bank-bank terus mempunyai pelbagai sumber pendanaan yang membolehkan mereka mengurus ketidakpadanan mata wang dan tempoh matang dengan lebih baik.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

- Sebagai mencerminkan sumber pendanaan bank-bank yang lebih meluas, nisbah pinjaman kepada dana dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing pada 83.4% dan 73.2%.
- Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) sistem perbankan adalah pada 139.3%. Nisbah ini jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum peralihan[1] pada 80%.

Bank Negara Malaysia
29 Disember 2017

[1] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan naik secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa tahun 2019. Setakat 1 Januari 2017, keperluan minimum ditetapkan pada 80%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my